

*Aizan Sofia Amin*

## Pengenalan

Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan antara kumpulan marginal dan sering terpinggir dalam masyarakat khususnya di Malaysia. Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk merangkum OKU dalam masyarakat, sering kali kumpulan ini tercicir daripada arus pembangunan negara. Antara punca utama yang menyebabkan OKU kurang mendapat perhatian adalah kerana dua halangan utama iaitu faktor persekitaran yang tidak mesra OKU dan sikap masyarakat yang kurang cakna terhadap hak dan keperluan OKU. Bab ini mengupas senario OKU di Malaysia melalui aspek dasar dan perundangan, isu dan cabaran utama yang sering dihadapi OKU dan cara masyarakat dapat memperkasa OKU secara holistik dan berkesan melalui strategi yang sistematik dan berterusan.

## Dasar dan Perundangan Orang Kurang Upaya

Menurut Akta Orang Kurang Upaya (2008), Orang Kurang Upaya termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat” (Undang-Undang Malaysia, 2008 :8). Sebelum ini kerajaan menggunakan pelbagai terminologi

untuk merujuk kepada OKU antaranya ‘orang cacat’, ‘orang kurang bernasib baik’, ‘orang istimewa’ dan ‘orang-kurang-mampu’ (Aizan, 2014; Wan Arnidawati, 2013). Semua terminologi ini membawa maksud yang kurang positif kepada OKU sehingga banyak daripada mereka menuntut kerajaan untuk menggunakan bahasa yang lebih positif bagi memupuk imej diri yang lebih sihat. Sehubungan dengan itu, kerajaan memperkenalkan terma Orang Kurang Upaya atau OKU untuk digunakan secara meluas dalam semua polisi dan dasar yang melibatkan OKU. Walau bagaimanapun, ada segelintir daripada masyarakat masih mempertikaikan terminologi OKU yang digunakan sekarang dan mahu ditukar kepada ‘orang kelainan upaya’ (Irfan, 2009; Norazit, 2010), tetapi sehingga kini kerajaan masih mengekalkan penggunaan terma Orang Kurang Upaya (OKU) dalam semua urusan rasmi negara selaras dengan Akta OKU 2008.

Kerajaan Malaysia memperkenalkan beberapa peruntukan, dasar dan undang-undang khusus yang merangkumi pelbagai aspek kebajikan untuk OKU (Wan Arnidawati, 2013). Perkhidmatan utama bagi OKU di Malaysia diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kementerian lain seperti Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga dipertanggungjawabkan untuk membantu JKM dalam urusan penjagaan kesihatan, pendidikan dan pekerjaan untuk OKU.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu meluluskan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya pada 13 Disember 2006 dan Malaysia menandatanganinya pada 8 April 2008. Konvensyen ini bertindak sebagai instrumen hak asasi manusia bagi memastikan bahawa orang kurang upaya diberikan hak yang sama dalam masyarakat dan pada masa yang sama untuk melindungi mereka daripada bahaya, keganasan dan penderaan. Konvensyen ini juga menekankan bahawa orang kurang upaya diberikan akses penuh untuk mengambil bahagian dalam masyarakat dengan berkesan (United Nations, 2006).

Pada masa ini, terdapat beberapa peruntukan utama untuk OKU iaitu Dasar OKU dan Pelan Tindakan Nasional OKU yang diluluskan pada 21 November 2007. Dasar OKU dirangka sebagai asas kesaksamaan hak dan peluang untuk OKU menyertai masyarakat secara penuh. Dasar tersebut menggariskan 28 strategi utama yang meliputi 15 aspek keutamaan iaitu advokasi, aksesibiliti, kesihatan, pemulihan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan diri dan sosial, perkhidmatan sokongan, sosial, pembangunan sumber manusia, perumahan, kanak-kanak OKU dan wanita OKU. Kesemua Dasar OKU ini dilaksanakan melalui pelbagai program dan aktiviti dalam Pelan Tindakan Nasional OKU.

Parlimen Malaysia meluluskan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 2008) dan akta ini mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2008 (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2013). Akta OKU 2008 dikatakan menjadi undang-undang pertama yang memberikan pengiktirafan asas kepada hak-hak OKU di Malaysia (Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, 2010). Akta ini mengakui hak-hak OKU dan menukar konsep daripada perkhidmatan berteraskan kebijakan kepada berasaskan hak. Prinsip asas akta ini adalah untuk menyediakan peluang yang sama untuk OKU dan menggalakkan penyertaan penuh OKU dalam masyarakat dengan memberikan tumpuan kepada pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

Bagi menjamin hak dan keperluan OKU dapat dipenuhi, JKM dengan dibantu oleh KKM menggalakkan OKU untuk berdaftar secara sukarela dengan agensinya supaya bantuan dan perkhidmatan yang sesuai dapat dirangka dan diberikan secara lebih sistematik dan berkesan. Bagi tujuan pendaftaran, JKM menetapkan tujuh kategori OKU iaitu: penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, masalah pembelajaran, mental dan pelbagai. Setiap OKU yang berdaftar dengan JKM akan diberikan kad pendaftaran OKU dan berhak untuk mendapat perkhidmatan dan bantuan yang disediakan khusus untuk OKU. Pendaftaran OKU mula diperkemas pada tahun 2008 di bawah Jawatankuasa Pendaftaran OKU, Majlis Kebangsaan Bagi OKU. Sehingga 30 Jun 2019, seramai 549,554 orang berdaftar di bawah Sistem

Maklumat OKU (SMOKU) berbanding populasi rakyat Malaysia seramai kurang 32.6 juta orang. Statistik ini jauh tersasar daripada unjuran mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menjangkakan seramai 10 hingga 15 peratus daripada penduduk sesebuah negara adalah OKU. Oleh sebab itu, dijangkakan jumlah sebenar OKU seramai 4.9 juta orang jika dibandingkan dengan populasi rakyat Malaysia. Ini bermakna hanya 1.7 peratus sahaja OKU yang berdaftar dengan JKM. Sebanyak 98.3 peratus OKU masih belum berdaftar dengan kerajaan sehingga Jun 2019. Ini menunjukkan masih banyak lagi OKU dalam kalangan rakyat negara ini tidak berdaftar dan terpinggir dalam masyarakat.

Walaupun JKM melakukan pelbagai kempen untuk menggalakkan pendaftaran dalam kalangan OKU, masih terdapat OKU yang tidak berdaftar dengan JKM yang dikatakan mungkin berpunca daripada stigma dalam masyarakat (Jayasoria, 2000). Sifat kolektif masyarakat Malaysia yang *sociocentric* juga mungkin menyumbang kepada keengganahan sesetengah keluarga untuk mendaftarkan anak mereka. Ada keluarga yang mungkin mengambil tanggungjawab penuh menjaga ahli keluarga yang kurang upaya dan mempunyai kurang kesedaran akan kepentingan melakukan pendaftaran dengan JKM. Implikasinya sehingga kini, Malaysia masih tidak mempunyai statistik rasmi akan kadar ketidakupayaan di negara ini. Statistik pendaftaran dengan JKM hanya mewakili sebahagian sahaja daripada OKU di Malaysia kerana dijangkakan masih banyak lagi tidak berdaftar atas pelbagai faktor seperti geografi, sosioekonomi, budaya dan kesedaran dalam masyarakat. Ketiadaan statistik rasmi yang tepat akan kadar ketidakupayaan di Malaysia akan menyukarkan negara untuk merangka program pembangunan OKU yang sistematik, progresif dan berkesan.

## **Isu dan Cabaran**

Kerajaan membangunkan polisi, peruntukan dan undang-undang berkaitan kebajikan OKU semenjak pascamerdeka, tetapi masih banyak lagi OKU terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan

dan cabaran dalam kehidupan sehari-hari mereka. Bahagian ini menghuraikan empat cabaran utama yang dialami oleh OKU di Malaysia iaitu dalam aspek penjagaan kesihatan, pendidikan dan latihan, pekerjaan, pengangkutan dan infrastruktur.

Cabaran pertama bagi sebahagian besar OKU di negara ini ialah aspek penjagaan kesihatan. Walaupun kerajaan menyediakan kemudahan rawatan perubatan percuma untuk OKU yang berdaftar dengan JKM, masih terdapat lagi isu utama yang perlu diberikan perhatian terutamanya yang berkaitan pengesanan awal dan akses kepada perkhidmatan pemulihan perubatan. Sistem penjagaan kesihatan negara dikatakan tidak mempunyai ujian perubatan yang seragam untuk mendagnosis ketidakupayaan dalam kalangan kanak-kanak dan kebanyakannya perkhidmatan yang ditawarkan mengikut model yang diambil dari negara industri dan mungkin tidak sesuai untuk kanak-kanak di negara ini (Amar-Singh, 2008). Akses kepada perkhidmatan pemulihan perubatan juga amat terhad terutamanya di kawasan pedalaman dan luar bandar (Kuno, 2007).

Sistem perkhidmatan pemulihan perubatan di Malaysia selalunya berpusat di hospital yang mempunyai populasi penduduk tinggi seperti di kawasan bandar. Oleh sebab itu perkhidmatan pemulihan selalunya tiada di daerah kecil atau di hospital luar bandar dan ini menyukarkan OKU yang berada di luar bandar untuk mendapatkan perkhidmatan. Kelewatan mendapatkan diagnosis dan rawatan awal akan membawa kepada risiko mendapat ketidakupayaan kekal. Selain itu, OKU juga terdedah kepada kecinciran dalam mendapat rawatan kesihatan terutamanya dalam sesuatu krisis seperti bencana banjir dan terkini wabak pandemik COVID-19. Kerajaan harus memberikan perhatian khusus kepada OKU akan keperluan khusus mereka dalam menghadapi krisis negara untuk mengelakkan mereka tercicir daripada mendapat rawatan kesihatan yang baik.

Cabaran kedua ialah pendidikan dan latihan yang boleh membawa kepada penyisihan sosial OKU secara sistematik dalam masyarakat. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan bertanggungjawab ke atas pendidikan formal untuk pelajar OKU

bagi kategori ketidakupayaan penglihatan, pendengaran, ortopedik dan masalah pembelajaran (Kamariah, 2003 dalam Jayasoria, 2000: 69). Walaupun pendidikan khas telah ditawarkan di sekolah-sekolah khas dan pendidikan integrasi ditawarkan di sekolah aliran biasa, masih terdapat beberapa isu besar yang perlu ditangani. Sebagai contoh, kanak-kanak dengan ketidakupayaan fizikal teruk selalu tercicir daripada sekolah arus perdana kerana Kementerian Pendidikan tidak bertanggungjawab ke atas kanak-kanak dengan ketidakupayaan fizikal sebaliknya ia diletakkan di bawah kuasa JKM (Kuno, 2007). Kanak-kanak yang berada di luar bandar daripada pelbagai kategori ketidakupayaan juga mempunyai peluang yang sangat terhad untuk mendapatkan pendidikan formal (Kuno, 2007). Akibatnya, pelajar dengan ketidakupayaan fizikal teruk dan mereka yang tinggal di luar bandar selalu menghadapi halangan aksesibiliti dan kemudahan yang disediakan oleh sekolah aliran biasa (Ong et al., 2002). Pelajar OKU di peringkat pengajian tinggi juga menghadapi masalah yang berkaitan halangan persekitaran seperti kemudahan infrastruktur universiti yang tidak mesra OKU dan juga kerentah birokrasi serta kurangnya empati daripada pihak pengurusan universiti akan keperluan mereka (Hasnah et al., 2009). Keadaan ini boleh menyekat penyertaan penuh OKU dalam sistem pendidikan negara dan perlu ditangani secara teliti supaya mereka tidak tercicir dalam mendapatkan peluang pendidikan setara dengan pelajar lain.

Ketiga, kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai menjadi antara cabaran utama bagi OKU. Kerajaan ada merangka polisi dan insentif untuk menggalakkan pekerjaan dalam kalangan OKU tetapi dapatan kajian lepas mendapati kadar pekerjaan dalam kalangan mereka amat rendah (Ramakrishnan, 2007; Mubarak, 2006; Faridah, 2003; Jayasoria, 1997) dan tidak ada statistik rasmi tentang jumlah sebenar OKU yang bekerja di Malaysia. Antara faktor yang menyumbang kepada kurangnya peluang bagi OKU dalam sektor pekerjaan ialah sikap negatif majikan yang tidak mahu memberikan peluang kepada OKU untuk bekerja (Jayasoria, 1997; Ramakrishnan, 2007; Faridah, 2003). Sebahagian daripada majikan tidak mempunyai pengalaman

menguruskan pekerja OKU dan kerana itu mereka mempunyai sikap negatif terhadap mereka. Sementara bagi sebahagian majikan lain pula mereka kurang terdedah dengan isu-isu OKU dan tidak mempunyai pengetahuan tentang keperluan pekerja OKU sehingga membuatkan mereka takut untuk mengambil pekerja OKU (Tiun et al., 2011). Selain itu, faktor halangan persekitaran di tempat kerja menjadi isu utama bagi OKU kerana kemudahan infrastruktur di tempat kerja tidak menyokong ketidakupayaan mereka (Jayasoria, 1997). Cabaran aksesibiliti di tempat kerja mampu menyekat peluang OKU untuk menempatkan diri dalam sektor ekonomi negara dan mengekang potensi diri mereka sebagai pekerja yang produktif serta berdaya saing.

Cabaran keempat yang sering membengelu OKU ialah pengangkutan dan kemudahan awam yang tidak mesra OKU. Kerajaan telah meluluskan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Uniform Building By-Laws, 1992) dan Akta OKU 2008 yang menggariskan hak OKU untuk mendapat akses yang sama kepada persekitaran fizikal dan pengangkutan awam. Walaupun telah ada peruntukan undang-undang yang menjamin hak OKU untuk mendapat peluang saksama dalam aksesibiliti kepada kemudahan awam, masih banyak dalam kalangan OKU melahirkan kekecewaan kerana aspek tersebut jauh berbeza daripada realiti yang terpaksa mereka hadapi setiap hari. OKU yang menggunakan alat bantuan pergerakan seperti kerusi roda dan tongkat misalnya terpaksa bergantung kepada teksi yang lebih mahal berbanding pengangkutan awam yang lain kerana kebanyakannya tidak mesra OKU. Dalam sesetengah kes, pemandu teksi tidak mahu mengambil penumpang berkerusi roda dengan pelbagai alasan (Kamarulzaman, 2007; Aizan, 2014; Aizan et al., 2021). Pengangkutan awam seperti bas juga tidak menyediakan kemudahan yang bersesuaian seperti tanjakan (*ramp*) automatik atau ruang untuk penumpang berkerusi roda. Walaupun ada sesetengah perkhidmatan bas menyediakan kemudahan tanjakan (*ramp*), tetapi ia disediakan secara manual dan kurang praktikal bagi pengguna OKU. Masalah lain yang sering dialami oleh OKU di tempat awam antaranya tidak terdapat laluan kerusi roda atau

lif untuk pengguna kerusi roda, tiada kemudahan tandas OKU, tiada laluan blok untuk OKU penglihatan, tiada parkir yang mencukupi untuk OKU dan kemudahan OKU disediakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan (Kamarulzaman, 2007; Jayasoria, 1997; Tiun 2010; Aizan, 2014). Boleh dikatakan bahawa, pengangkutan dan kemudahan awam untuk OKU di Malaysia masih lagi jauh ketinggalan berbanding di negara-negara maju. Halangan akses kepada pengangkutan awam ini boleh menyisihkan OKU secara sistematik dalam masyarakat daripada aktiviti sosial, ekonomi, pendidikan dan peluang untuk hidup berdikari.

## **Strategi Pemerkasaan Orang Kurang Upaya**

Perbincangan sebelum ini mengupas tentang empat cabaran utama yang dihadapi oleh OKU di negara ini dalam aspek penjagaan kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan pengangkutan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa walaupun kerajaan merangka polisi, peruntukan dan undang-undang berkaitan OKU, objektif untuk memperkasa OKU masih lagi belum tercapai terutamanya Akta OKU 2008. Masih banyak OKU tersisih daripada penyertaan penuh dalam masyarakat secara langsung mahupun tidak langsung. Banyak pihak terutamanya OKU sendiri menyuarakan kebimbangan mereka akan keberkesanan Akta OKU 2008 khususnya melibatkan pelaksanaannya. Akta OKU 2008 dikatakan tidak mempunyai sebarang peruntukan untuk menyabitkan pihak yang tidak mematuhi akta ini. Tidak ada sebarang hukuman khusus yang boleh diambil ke atas mana-mana pihak yang gagal untuk mematuhi Akta OKU 2008 termasuk pihak kerajaan sendiri (Majlis Peguam Malaysia, 2009). Kegagalan akta ini untuk mengenakan penalti kepada pesalah menjadikan Akta OKU 2008 sebagai sebuah dokumen pentadbiran sahaja dan ia bergantung kepada kesediaan masyarakat untuk mematuhi secara sukarela. Oleh sebab itu, Akta OKU 2008 dilihat gagal memenuhi objektif dan perlu dikuatkuasakan bersama dengan penalti tegas kepada

pesalah bagi menjamin keberkesanannya. Hanya melalui tindakan undang-undang yang tegas dapat menjamin hak-hak OKU dapat dipenuhi dengan adil dan saksama sejajar dengan Dasar OKU dan Pelan Tindakan Nasional OKU yang telah dirangka.

Selain daripada penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas, program '*outreach*' perlu dilakukan secara meluas di seluruh Malaysia terutamanya di kawasan pedalaman dan luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, banyak penduduk di kawasan luar bandar tidak mendapat akses yang sempurna kepada perkhidmatan kesihatan. Pengesanan awal akan simptom penyakit atau ketidakupayaan terutamanya dalam kalangan kanak-kanak amat penting bagi mengelakkan mereka mendapat ketidakupayaan kekal. Pihak KKM perlu menambah kakitangan perubatan yang melakukan program pemeriksaan kesihatan penduduk di kampung-kampung dan kawasan pedalaman yang sukar untuk mendapat akses perkhidmatan perubatan dan pemulihan di bandar akibat kekangan geografi dan sosioekonomi. Program '*outreach*' yang lebih meluas juga perlu dilakukan oleh JKM dan KPM dalam memastikan semua kanak-kanak dan remaja OKU mendapat peluang pendidikan yang saksama sama seperti pelajar lain. Keciciran pelajar OKU daripada mengikuti sistem persekolahan formal tidak hanya berlaku di kawasan luar bandar tetapi juga di bandar yang berpunca daripada kurangnya kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan guru akan kepentingan pendidikan dan latihan untuk OKU. Tahap pendidikan yang rendah boleh memberikan kesan negatif terhadap perkembangan psikososial OKU dalam jangka masa panjang. OKU yang mempunyai tahap pendidikan rendah terdedah kepada implikasi psikologi dan ekonomi seperti cenderung untuk mempunyai penghargaan kendiri yang rendah dan terdedah kepada risiko kemiskinan kerana mempunyai peluang pekerjaan yang sangat terhad. Keadaan ini akan membawa kepada penyisihan sosial OKU daripada penyertaan penuh dalam masyarakat Malaysia.

Seterusnya, masyarakat Malaysia secara holistik perlu dididik untuk mempunyai kesedaran yang tinggi dalam isu-isu dan hak-

hak OKU. Usaha untuk memupuk kesedaran masyarakat ini perlu dimulakan seawal usia kanak-kanak lagi. Sistem pendidikan negara perlu menerapkan silibus atau program pendidikan yang dapat mendidik dan memberikan pendedahan kepada pelajar sekolah akan keperluan dan hak OKU daripada pelbagai kategori ketidakupayaan. Interaksi secara langsung dengan adanya pendidikan integrasi di sekolah biasa dilihat amat penting dalam menggalakkan komunikasi secara langsung antara pelajar OKU dengan bukan OKU. Sungguhpun begitu, pelajar OKU tidak harus ditempatkan hanya di dalam kelas khas atau dalam kalangan rakan OKU sahaja. Pihak sekolah perlu juga merangka program bersama yang dapat menggalakkan interaksi positif antara pelajar OKU dengan bukan OKU. Melalui cara ini, integrasi sosial antara OKU dan bukan OKU dapat dipupuk dalam melahirkan sebuah masyarakat yang inklusif dan cakna OKU.

Media masa juga perlu memainkan peranan aktif dengan memperbanyak program dan pengisian yang melibatkan OKU sebagai sebahagian daripada masyarakat Malaysia. OKU tidak harus dijadikan sebagai objek simpati dengan hanya diketengahkan untuk program yang bertujuan meraih simpati masyarakat sahaja. OKU itu perlu diperkasa dengan memberi mereka peluang yang sama dengan bukan OKU untuk diketengahkan dalam setiap program kendalian media massa terutamanya radio dan televisyen. Penulisan yang mendidik masyarakat akan keperluan dan hak OKU juga perlu diperluas dari masa ke masa supaya masyarakat Malaysia dapat lebih memahami akan isu-isu yang sering dialami oleh OKU. Langkah ini dapat memberikan hak mereka tanpa sikap prejedis dan diskriminasi dalam pendidikan, pekerjaan, kemudahan awam, sukan, rekreasi dan juga politik. Pendedahan berterusan dalam arus media perdana tentang kewujudan OKU sebagai sebahagian daripada masyarakat dipercayai dapat meningkatkan tahap kesedaran rakyat Malaysia daripada pelbagai lapis usia tentang kepentingan untuk mengiktiraf hak dan keperluan OKU dalam komuniti. Langkah berterusan dalam usaha untuk memartabatkan OKU sebagai sebahagian daripada masyarakat dijangka dapat membentuk masyarakat Malaysia yang prihatin OKU sehingga

akhirnya OKU itu dapat diperkasa sepenuhnya tanpa adanya peminggiran sosial terhadap mereka.

## Kesimpulan

Bab ini membincangkan senario OKU di Malaysia melalui dasar dan perundangan negara, isu dan cabaran utama yang sering membelenggu OKU dan strategi pemerkasaan OKU secara holistik dan berkesan. Hasil kupasan ini jelas menunjukkan bahawa OKU di Malaysia masih jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek kehidupan dan sering terpinggir dalam masyarakat. Hasrat negara untuk menjadi sebuah negara maju sukar untuk direalisasikan sekiranya agenda pembangunan OKU tidak dilaksanakan secara inklusif. Strategi pemerkasaan OKU di negara ini memerlukan perubahan paradigma masyarakat Malaysia secara keseluruhannya bermula di peringkat bayi sehingga usia emas.

Agenda pembangunan OKU perlu dirangkumkan dalam semua dasar dan perundangan negara selaras dengan konsep masyarakat inklusif yang saksama dan menyeluruh. Keperluan dan hak OKU perlu dipenuhi dengan penuh dedikasi agar mereka juga mampu menjadi sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang progresif, dinamik dan produktif. Kemajuan sesebuah negara itu bukan hanya diukur dari segi kepesatan pembangunan ekonomi dan infrastrukturnya tetapi juga kepada kemajuan pemikiran dan tamadun rakyatnya terutamanya terhadap OKU. Sehubungan dengan itu, pemerkasaan OKU sebagai kumpulan marginal harus menjadi agenda utama pembangunan negara di setiap peringkat lapisan masyarakat secara kolektif, proaktif dan inklusif.

## Rujukan

- Aizan, S. A. (2014). *Disability and render: The lived experiences of disabled women in Malaysia* (Unpublished doctoral dissertation). University of Glasgow.

- Aizan, S. A., Muhammad Ajib, A. B., & Noremy, M. A. (2021). Access to transportation: the experiences of women with physical disabilities. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6), 883–890.
- Amar-Singh. (2008). Meeting the needs of children with disability in Malaysia. *Medical Journal of Malaysia*, 63(1), 1–3.
- Faridah, S. H. (2003). Career and employment opportunities for women with disabilities in Malaysia. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*, 1(1), 71–78.
- Hasnah, T., Mohd Hanafi, M. Y., Mohd Mokhtar, T., & Norasuzaini, S. (2009). Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), 18–29.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2013). *Dasar dan pelan tindakan OKU* [Online]. [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=dasar\\_dan\\_pelan\\_tindakan\\_oku&lang=bn](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=dasar_dan_pelan_tindakan_oku&lang=bn)
- Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya. (2010). *Persons with Disabilities Act 2008. Promotion of social inclusion for PWDS in Malaysia perspective on inclusive development: embracing diversity and creating disability sensitive communities*. International Conference on Embracing Diversity & Creating Disability-Sensitive Communities, 28-29 July, Kuching Sarawak.
- Jayasooria, D., Krishnan, B., & Ooi, G. (1997). Disabled people in a newly industrialising economy: Opportunities and challenges in Malaysia. *Disability & Society*, 12(3), 455–463.
- Kamariah, J. (2003). The importance of education and training in the upliftment of the socio-economic status of disabled people. Dlm. Jayasooria, D. (Ed.), *Disabled people. Citizenship & social work - The Malaysian experience*. Asean Academic Press.
- Kamarulzaman, K. (2007). Adult learning for people with disabilities in Malaysia: Provisions and services. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 3(2), 50–64.

- Kuno, K. (2007). *Does community based rehabilitation really work? Community Based Rehabilitation (CBR) and participation of disabled people* [ISM Research Monograph Series No. 5]. Social Institute Malaysia.
- Majlis Peguam Malaysia. (2009). *Public forum: Persons with Disabilities Act 2008 – What Next?* [Online]. <http://www.malaysianbar.org.my/>
- Mubarak, A. R. (2006). Employment status, psychiatric disability and quality of life: Comparison of men and women with schizophrenia in Malaysia. *International Journal of Social Welfare*, 15(3), 240–246.
- Ong, L. C., Lim, Y. N, & Sofiah, A. (2002). Malaysian children with Spina Bifida: relationship between functional outcome and level of lesion. *Singapore Medical Journal*, 43(1), 12–17.
- Ramakrishnan, P. (2007). *Critical factors influencing employment of disabled persons in Malaysia* [Unpublished doctoral dissertation]. University of South Australia.
- Tiun, L. T. (2010). *From barrier-free to universal design: The Penang experience*. International Conference on Embracing Diversity & Creating Disability-Sensitive Communities, 28-29 July, Kuching Sarawak.
- Tiun, L. T., Lee, L.W., & Khoo, S.L. (2011). *Peluang dan cabaran golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pasaran pekerjaan. Kajian di Bahagian Utara Semenanjung Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- Undang-Undang Malaysia. (2008). *Akta 658, Akta Orang Kurang Upaya 2008*. Percetakan Nasional Berhad.
- Wan Arnidawati, W. A. (2013). *Supported employment: Persons with learning difficulties in Malaysia* [Unpublished doctoral dissertation]. University of Warwick.